

Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab: Satu Analisis Ringkas

MOHD AZIDAN BIN ABDUL JABAR

Jabatan Bahasa Asing

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Pertembungan bahasa, gangguan, pemindahan bahasa, konsonan, vokal

ABSTRAK

Bahasa Arab merupakan bahasa yang tersebar luas di seluruh dunia. Selain daripada penutur jati Arab, terdapat beratus-ratus juta orang yang menggunakan bahasa Arab untuk mencapai berbagai-bagai tujuan. Pertembungan bahasa Arab dengan bahasa dan budaya Melayu menjadi punca kesilapan yang berlaku semasa penggunaan bahasa Arab oleh individu dwibahasa atau individu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua (ASL) atau sebagai bahasa asing (AFL). Kesilapan ini boleh terjadi pada semua peringkat bahasa. Fenomena ini dikenali sebagai "gangguan" yang boleh didefinisikan sebagai pemindahan unsur suatu bahasa kepada bahasa yang lain dalam pelbagai peringkat bahasa termasuk aspek fonologi. Berdasarkan telahan ini, makalah ini cuba mendeskripsi bentuk-bentuk dan jenis-jenis gangguan bunyi Melayu yang berlaku semasa penggunaan bahasa Arab oleh penutur Melayu jati.

ABSTRACT

Arabic has a wide distribution in the world. There are, apart from the native speakers of Arabic, a hundred million people using Arabic for different reasons. The contact with Malay language and culture can be a source of errors in the use of Arabic by a bilingual subject or by someone learning Arabic as a Second Language (ASL) or Arabic as a Foreign Language (AFL). It may affect all levels of language. This phenomenon is called "interference". Interference may be viewed as the transference of elements of one language to another at various levels including phonological aspects. Based on this assumption, this article attempts to describe forms and types of Malay sound interference in the use of Arabic by the native speakers of Malay.

PENDAHULUAN

Gangguan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa Arab sebagai bahasa kedua sebenarnya bermaksud pemindahan dan penggunaan beberapa sistem bahasa ibunda dalam bahasa Arab sedangkan sistem tersebut tidak ada sama sekali dalam bahasa Arab. Penggunaan sistem bahasa ibunda boleh berlaku dalam setiap sistem bahasa Arab seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan sebagainya.

Perlu dinyatakan bahawa apabila seseorang menggunakan dua atau lebih bahasa secara bersilih ganti maka pertembungan di antara bahasa akan berlaku. Pertembungan bahasa (*language contact*) yang berlaku kepada penutur dwibahasa akan menimbulkan keadaan saling

pengaruh-mempengaruhi di antara bahasa pertama dan bahasa kedua. Ini bermakna bahasa pertama mempengaruhi bahasa kedua atau bahasa kedua mungkin mempengaruhi bahasa pertama. Kebiasaannya bahasa ibunda lebih dominan berbanding bahasa kedua seperti dinyatakan oleh Tarigan (1988:14) bahawa:

Bahasa yang paling dikuasai oleh seorang dwibahasawan berpengaruh besar terhadap pemerolehan bahasa berikutnya. Biasanya bahasa yang paling dikuasai itu adalah bahasa ibunda.

Tetapi menurut beliau semakin tinggi tahap penguasaan bahasa kedua maka semakin kurang pengaruh bahasa pertama dan pengaruh ini tidak lagi berlaku jika penutur menguasai kedua-

dua bahasa pada tahap yang sama. Keadaan sebaliknya akan berlaku iaitu bahasa kedua akan mempengaruhi bahasa pertama apabila penguasaan terhadap bahasa kedua lebih tinggi daripada bahasa pertama ataupun jika bahasa pertama semakin kurang digunakan disebabkan faktor-faktor tertentu.

Weinreich (1953) menyatakan bahawa pertembungan bahasa tidak hanya terjadi antara satu bahasa dengan bahasa yang lain, tetapi ia boleh berlaku antara dua dialek dalam satu bahasa atau antara dua variasi dalam satu dialek. Beliau menambah, lebih besar perbezaan sistem dua bahasa, maka lebih sukarlah pembelajaran bahasa kedua dan lebih banyak gangguan yang wujud.

Istilah gangguan atau *interference* boleh digunakan dalam dua fenomena linguistik yang berlainan iaitu psikologi dan sosiolinguistik. Gangguan psikologi merujuk kepada pengaruh kebiasaan atau tabiat lama apabila sesuatu kebiasaan baru dipelajari. Manakala istilah gangguan yang digunakan dalam konteks sosiolinguistik bermaksud interaksi antara satu bahasa dengan bahasa lain yang mengakibatkan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Ini dinyatakan oleh Dulay *et al.* (1982:98) seperti berikut:

... interference refers to language interactions, such as linguistic borrowing and language switching, that occur when two language communities are in contact.

Weinreich (1953:1) mendefinisikan gangguan sebagai:

Those instances of deviation from the norms of either language which occur in the speech of bilinguals as a result of their familiarity with more than one language, i.e. as a result of language contact, will be referred to as interference phenomena.

Istilah gangguan juga memberi maksud yang sama dengan istilah peminjaman linguistik (*linguistic borrowing*) seperti dinyatakan oleh Haugen (1953) yang dipetik daripada Dulay *et al.* (1982):

An example of cultural diffusion, the spread of an item of culture from people to people. Borrowing is linguistic diffusion, and can be unambiguously defined as the attempt by a speaker to reproduce in one language,

patterns which he has learned in another (363) ... it is the language of the learner that is influenced, not the language he learns. (370)

Gangguan bahasa yang berlaku kepada penutur dwibahasa adalah disebabkan oleh perbezaan-perbezaan yang wujud di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Ini dinyatakan oleh Nemes (1977:89) dalam *Papers in Contrastive Linguistics* seperti berikut:

Differences between the bilingual's primary (native) and second (target) language will result in interference, i.e. deviations from the norm of the latter system.

Tarigan (1988:16) membuat kesimpulan gangguan bahasa seperti berikut:

... penggunaan sistem bahasa pertama dalam menggunakan bahasa kedua sedangkan sistem tersebut tidak sama dengan dalam bahasa kedua.

Gangguan bahasa ialah produk yang terhasil daripada pemindahan bahasa. Pemindahan bahasa boleh dikelaskan kepada dua jenis. Pertama ialah pemindahan positif (*positive transfer*) yang terjadi apabila penutur mengambil sistem bahasa pertama untuk digunakan dalam bahasa kedua sedangkan sistem tersebut didapati sama. Ianya menjadi positif kerana pemindahan ini dapat membantu dan memudahkan penutur bahasa kedua memahami sistem-sistem yang dipelajarinya kerana secara kebetulan sama dengan bahasa ibundanya. Ini berbeza dengan jenis kedua yang disebut pemindahan negatif (*negative transfer*) yang melambatkan pemerolehan bahasa kedua dan mencacatkan penggunaannya. Keadaan ini berlaku apabila penutur menggunakan sistem bahasa pertama dalam bahasa kedua sedangkan sistem tersebut berlainan sama sekali. Pemindahan seumpama inilah yang dikaitkan dengan gangguan bahasa.

Analisis Kontrasif berpendapat bahawa gangguan daripada bahasa ibunda penutur menjadi kekangan yang besar untuk mencapai kejayaan dalam memperoleh bahasa kedua. Ini adalah kerana struktur-struktur dalam bahasa pertama yang berbeza daripada bahasa kedua akan menyebabkan terhasilnya kesilapan (*error*) yang merupakan refleksi struktur bahasa pertama. Oleh yang demikian, dapat ditentukan aspek-aspek kesukaran dalam pembelajaran

bahasa kedua dan membantu memudahkan perancangan kaedah pengajaran yang sesuai.

Bentuk-bentuk Gangguan Bunyi

Ketika penutur Melayu menggunakan sistem bunyi bahasa Arab sebagai bahasa kedua, ia akan bertembung dengan sistem bunyi yang digunakan dalam bahasa pertama. Pertembungan ini menghasilkan beberapa bentuk gangguan bunyi yang disebabkan oleh wujudnya hubungan-hubungan berikut:

- i. Terdapat bunyi-bunyi dalam bahasa Arab yang serupa dengan bunyi yang terdapat dalam bahasa Melayu sama ada dari segi daerah sebutan atau cara sebutan.
- ii. Terdapat bunyi-bunyi yang hampir sama dalam kedua-dua bahasa ini dengan hanya sedikit perbezaan dari segi cara sebutan.
- iii. Terdapat bunyi-bunyi dalam bahasa Arab yang berlainan sama sekali dengan yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Bunyi-bunyi yang serupa dalam kedua-dua bahasa tidak menjadi gangguan kepada penutur Melayu dalam bahasa Arab bahkan ia mungkin mengukuhkan pemerolehan sistem bunyi bahasa Arab disebabkan ia telah sedia terdapat dalam bahasa ibunda. Gangguan bunyi berlaku pada keadaan (ii) dan (iii) di atas.

Memindahkan Cara Sebutan Konsonan Bahasa Ibunda Ke dalam Bunyi Bahasa Arab

Ada beberapa konsonan Arab yang mempunyai sedikit sahaja perbezaan dengan konsonan Melayu. Cara sebutannya hampir sama dengan konsonan dalam bahasa Melayu. Perbezaan yang sedikit ini menyebabkan penutur memindahkan cara sebutan bunyi-bunyi Melayu pada konsonan-konsonan Arab. Ini bermakna, penutur terpengaruh dengan sebutan bunyi bahasa ibunda tatkala menyebut bunyi bahasa kedua. Untuk menjelaskan pengaruh ini, cuba perhatikan konsonan-konsonan berikut:

(1) [ق] dan [k]

Konsonan [ق] dan [k] ialah bunyi plosif velar tidak bersuara yang terhasil apabila belakang lidah dirapatkan pada langit lembut untuk membuat sekatan penuh pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan terbuka, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari

paru-paru keluar ke rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara sebelum tersekat sepenuhnya pada langit lembut. Seterusnya, udara dilepaskan dengan serta-merta bagi menghasilkan letupan langit lembut tidak bersuara. Perbezaannya ialah konsonan [ق] disebut secara tebal iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit manakala konsonan [k] disebut secara nipis iaitu sebahagian pangkal lidah menurun ke bawah.

Berikut ialah beberapa contoh yang menunjukkan pemindahan sebutan konsonan [k] dalam bahasa ibunda kepada konsonan [ق] dalam bahasa Arab.

- *قلم* (*pen*) disebut [kalam], sebutan sebenar ialah [qalam]
- *مقهى* (*kedai kopi*) disebut [makha], sebutan sebenar ialah [maqḥā]
- *رزق* (*rezeki*) disebut [rizk], sebutan sebenar ialah [rizq]

(2) [ح] dan [h]

Konsonan [ح] ialah bunyi frikatif kerongkong tidak bersuara yang terhasil apabila bahagian tengah kerongkong atau halkum dirapatkan untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan terbuka, manakala langit lembut dan anak tekak dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada tengah kerongkong tanpa menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran kerongkong tidak bersuara.

Konsonan [h] pula ialah bunyi frikatif glotis bersuara yang terhasil apabila pita suara dibuka atau direnggangkan untuk membuat sempitan pada glotis, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan glotis. Pita suara bergetar bagi menghasilkan bunyi geseran glotis bersuara.

Berikut adalah beberapa contoh yang menunjukkan pemindahan sebutan konsonan [h] dalam bahasa ibunda kepada konsonan [ح] dalam bahasa Arab.

- *حلقوم* (*halkum*) disebut [hulkum], sebutan sebenar ialah [ḥulqūm]
- *سحر* (*sihir*) disebut [sihr], sebutan sebenar ialah [siḥr]

- **صالح** (*baik*) disebut [salih], sebutan sebenar ialah [ṣālīḥ]

(3) [ع] dan [ʔ]

Konsonan [ع] ialah bunyi frikatif kerongkong bersuara yang terhasil apabila bahagian tengah kerongkong atau halkum dirapatkan untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada tengah kerongkong dengan menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran kerongkong tidak bersuara.

Konsonan [ʔ] pula ialah bunyi hentian glotis yang berlaku apabila pita suara dirapatkan dengan serapat yang mungkin, manakala lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar dan tersekat serta terhenti pada bahagian glotis tanpa dilepaskan bagi menghasilkan bunyi hentian glotis.

Berikut adalah beberapa contoh yang menunjukkan pemindahan sebutan konsonan [ع] dalam bahasa ibunda kepada konsonan [ع] dalam bahasa Arab.

- **علم** (*alim*) disebut [ʔalim], sebutan sebenar ialah [ʔālim]
- **معمل** (*makmal*) disebut [maʔmal], sebutan sebenar ialah [maʔmal]
- **خشوع** (*khushuk*) disebut [khusyuʔ], sebutan sebenar ialah [khusyūʔ]

Menyebut Konsonan *ʔibāq*

Konsonan-konsonan *ʔibāq* dalam bahasa Arab ialah [ص], [ض], [ط] dan [ظ]. Ketika menyebut konsonan ini, bahagian lidah dan sekelilingnya merapati lelangit. Dalam penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua, penutur menghadapi masalah untuk menyebut konsonan-konsonan ini mengikut aspirasi yang tepat. Bunyi [ص] disebut seperti [s], bunyi [ض] seperti [d], bunyi [ط] seperti [t] dan bunyi [ظ] seperti [z] dalam bahasa ibunda. Ini adalah kerana tidak terdapat konsonan-konsonan *ʔibāq* dalam bahasa Melayu. Berikut ialah keterangan mengenai setiap

pasangan konsonan untuk menghuraikan gangguan ini.

(1) [ص] dan [s]

Konsonan [ص] dan [s] ialah bunyi frikatif alveolar tidak bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan pada gusi untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan terbuka, manakala lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada gusi tanpa menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran gusi tidak bersuara.

Apabila menyebut bunyi [ص], penutur tidak dapat menyebutnya secara *ʔibāq* (lidah rapat ke lelangit) disebabkan ciri tersebut tidak ada pada bunyi [s].

Contohnya:

- **صيام** (*puasa*) disebut [siyam], sebutan sebenar ialah [ṣiyām]
- **وصف** (*gambaran*) disebut [wasf], sebutan sebenar ialah [waṣf]
- **نص** (*teks*) disebut [nas], sebutan sebenar ialah [naṣṣ]

(2) [ض] dan [d]

Konsonan [ض] dan [d] ialah bunyi plosif alveolar bersuara. Ianya terhasil apabila hujung lidah dirapatkan pada gusi untuk membuat sekatan penuh pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut dengan menggetarkan pita suara sebelum tersekat sepenuhnya pada gusi. Seterusnya, udara dilepaskan dengan serta-merta bagi menghasilkan letupan gusi bersuara.

Apabila menyebut bunyi [ض], penutur tidak dapat menyebutnya secara *ʔibāq* (lidah rapat ke lelangit) disebabkan ciri tersebut tidak ada pada bunyi [d].

Contohnya:

- **ضرب** (*pukulan*) disebut [darb], sebutan sebenar ialah [ḍarb]
- **مضمون** (*kandungan*) disebut [madmun], sebutan sebenar ialah [maḍmūn]
- **بيض** (*telur*) disebut [bayd], sebutan sebenar ialah [bayḍ]

(3) [ط] dan [t]

Konsonan [ط] dan [t] ialah bunyi plosif alveolar tidak bersuara. Ia terhasil apabila hujung lidah dirapatkan pada gusi untuk membuat sekatan penuh pada aliran udara. Pita suara diregangkan, manakala langit lembut dan anak tekak dinaik dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara sebelum tersekat sepenuhnya pada gusi. Seterusnya, udara dilepaskan dengan serta-merta bagi menghasilkan letupan gusi tidak bersuara.

Apabila penutur menyebut bunyi [ط], penutur tidak dapat menyebutnya secara *'iṭbāq* (lidah rapat ke langit) disebabkan ciri tersebut tidak ada pada bunyi [t].

Contohnya:

- طريق (*jalan*) disebut [tariq], sebutan sebenar ialah [ṭariq]
- مطر (*hujan*) disebut [matar], sebutan sebenar ialah [maṭar]
- ربط (*ikatan*) disebut [rabt], sebutan sebenar ialah [raḅt]

(4) [ظ] dan [z]

Konsonan [ظ] ialah bunyi frikatif dental bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan pada gigi atas untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dinaik dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada gigi dengan menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran gigi bersuara.

Konsonan [z] pula ialah bunyi frikatif alveolar bersuara yang terhasil apabila hujung lidah dirapatkan pada gusi untuk membuat sempitan pada aliran udara. Pita suara berada dalam keadaan tertutup, manakala langit lembut dan anak tekak dinaik dan dirapatkan pada dinding tekak untuk menghalang udara keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru keluar secara menggeser melalui sempitan pada gusi dengan menggetarkan pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran gusi bersuara.

Apabila menyebut bunyi [ظ], penutur tidak dapat menyebutnya secara *'iṭbāq* (lidah rapat ke langit) disebabkan ciri tersebut tidak ada pada bunyi [z].

Contohnya:

- ظالم (*zalim*) disebut [zalim], sebutan sebenar ialah [zālim]
- عظيم (*agung*) disebut [ʿazim], sebutan sebenar ialah [ʿazīm]
- وعظ (*nasihat*) disebut [waʿz], sebutan sebenar ialah [waʿz]

Tarqīq (Nipis) dan Tafkhīm (Tebal)

Penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua tidak menghadapi masalah menyebut bunyi-bunyi Arab dalam keadaan nipis iaitu sebahagian besar pangkal lidah tidak terangkat ke langit dan menurun ke bawah, tetapi menghadapi kesukaran menyebutnya secara tebal iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengalaman sebutan bunyi secara tebal dalam bahasa ibunda. Dalam bahasa Arab konsonan-konsonan *tafkhīm* ialah [ص], [ض], [ط], [ظ], [غ], [خ] dan [ق]. Ia juga dikenali sebagai konsonan al-istiʿlā dalam ilmu tajwid. Akan tetapi konsonan-konsonan *'iṭbāq* iaitu [ص], [ض], [ط] dan [ظ] disebut dengan lebih tebal berbanding dengan tiga konsonan *tafkhīm* yang lain.

Umpamanya, penutur adakala tidak menyebut konsonan [ص] yang terdapat dalam perkataan صبر [ṣabr] (*sabar*) dengan *tafkhīm*, malah menyebutnya dengan *tarqīq* akibat gangguan daripada bahasa ibunda. Begitu juga dalam perkataan-perkataan قلم [qalam] (*pen*), خالق [khāliq] (*pencipta*), غرب [gharb] (*barat*), ضيف [ḍayf] (*tetamu*), طالب [ṭālib] (*pelajar*) dan ظاهر [zāhir] (*nyata*) di mana penutur menyebut konsonan-konsonan tebal dengan nipis.

Penutur juga menghadapi kesukaran dalam membezakan sebutan nipis dan tebal bagi lafaz jalālat iaitu perkataan الله [Allah]. Umpamanya, apabila penutur berhadapan dengan ungkapan seperti (i) بِسْمِ اللَّهِ (*dengan nama Allah*) dan (ii)

إِنَّ اللَّهَ (*sesungguhnya Allah*), penutur mengalami kesukaran menentukan sebutan konsonan lām yang terdapat pada perkataan الله iaitu sama ada disebut tebal ataupun nipis. Dalam ungkapan (i), lām disebut nipis kerana terdapat baris bawah sebelum lafaz jalālat manakala dalam ungkapan

(ii), *lām* disebut tebal kerana terdapat baris atas sebelum perkataan Allah.

Keliru dengan Sebutan di Antara Konsonan-konsonan Arab

Penutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua sering tidak dapat menyebut dengan betul disebabkan oleh kekeliruan mereka terhadap bunyi-bunyi Arab itu sendiri. Hal ini berlaku kerana pada pandangan mereka sebutan bunyi-bunyi ini adalah menyerupai di antara satu sama lain. Berikut ialah penjelasan bentuk-bentuk kekeliruan tersebut:

(1) [ط] dan [ت]

Konsonan [ط] dan [ت] ialah bunyi plosif alveolar tidak bersuara. Perbezaannya ialah konsonan [ط] disebut secara tebal iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit manakala konsonan [ت] disebut secara nipis iaitu sebahagian pangkal lidah menurun ke bawah. Penutur sering menyebut konsonan [ط] sama dengan konsonan [ت] seperti contoh-contoh berikut:

- طريق (*jalan*) [ṭarīq] menjadi تريق [tariq]
- سلطان (*sultan*) [sultān] menjadi سلتان [sultan]
- صراط (*jalan*) [ṣirāt] menjadi سرات [sirat]

(2) [ق] dan [ك]

Konsonan [ق] dan [ك] ialah bunyi plosif velar tidak bersuara. Perbezaannya ialah konsonan [ق] disebut secara tebal iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit manakala konsonan [ك] disebut secara nipis iaitu sebahagian pangkal lidah menurun ke bawah. Penutur sering menyebut konsonan [ق] sama dengan konsonan [ك] seperti contoh-contoh berikut:

- قانون (*kanun*) [qānūn] menjadi كانون [kanun]
- مقياس (*sukatan*) [miqyās] menjadi مكياس [mikyās]
- ورق (*daun*) [waraq] menjadi ورك [warak]

(3) [ش] dan [س]

Konsonan [ش] ialah bunyi frikatif palatal tidak bersuara, manakala konsonan [س] adalah bunyi frikatif alveolar tidak bersuara. Penutur sering menyebut konsonan [ش] sama dengan konsonan [س] seperti contoh-contoh berikut:

- شمس (*matahari*) [syams] menjadi سمس [sams]
- نشيط (*rajin*) [nasyīt] menjadi نسيط [nasit]
- نقوش (*lukisan-lukisan*) [nuqūsy] menjadi نقوس [nuqus]

(4) [ص] dan [س]

Konsonan [ص] dan [س] ialah bunyi frikatif alveolar tidak bersuara. Perbezaannya ialah konsonan [ص] disebut secara tebal iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit manakala konsonan [س] disebut secara nipis iaitu sebahagian pangkal lidah menurun ke bawah. Gangguan yang sering berlaku ialah konsonan [ص] disebut seperti [س] dalam contoh-contoh berikut:

- صحيح (*benar*) [ṣahīḥ] menjadi سحيح [sahih]
- مصباح (*lampu*) [miṣbāḥ] menjadi مسباح [misbah]
- نص (*teks*) [naṣṣ] menjadi نس [nas]

(5) [ح] dan [هـ]

Konsonan [ح] ialah bunyi frikatif kerongkong tidak bersuara manakala konsonan [هـ] ialah bunyi frikatif glotis tidak bersuara. Gangguan yang sering berlaku ialah konsonan [ح] disebut seperti [هـ] seperti dalam contoh-contoh berikut:

- حارس (*penjaga*) [ḥāris] menjadi هارس [haris]
- أحمر (*merah*) [ʾaḥmar] menjadi أهمر [ʾahmar]
- قبيح (*hodoh*) [qabiḥ] menjadi كبيه [kabih]

(6) [ذ] dan [ز]

Konsonan [ذ] ialah bunyi frikatif dental bersuara, manakala konsonan [ز] ialah bunyi frikatif alveolar bersuara. Gangguan yang sering berlaku ialah konsonan [ذ] disebut sama dengan [ز] seperti dalam contoh-contoh berikut:

- ذنب (*dosa*) [dhanb] menjadi زنب [zanb]
- مذكرة (*buku nota*) [mudhakkirat] menjadi مزكرة [muzakkirat]
- أعوذ (*aku berlindung*) [ʾaʿūdḥ] menjadi أعوز [ʾaʿūz]

Pertukaran sebutan seperti di atas adakalanya menyebabkan pertukaran makna perkataan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- Perkataan طين [tīn] bermakna tanah tetapi apabila konsonan [ط] disebut seperti [ت] maka terhasil perkataan تين [tin] yang bermakna buah tin.
- Perkataan قلب [qalb] bermakna hati tetapi apabila konsonan [ق] disebut seperti [ك] maka terhasil perkataan كلب [kalb] yang bermakna anjing.
- Perkataan عصير [‘asīr] bermakna jus tetapi apabila konsonan [ص] disebut sama dengan [س] maka terhasil perkataan عسیر [‘asīr] yang bermakna sukar.

Vokal Pendek dan Panjang

Meskipun hampir semua vokal bahasa Arab tidak begitu asing bagi penutur Melayu kerana ia terdapat dalam bahasa ibunda, tetapi vokal-vokal Arab selalunya disebut dengan pendek atau panjang dalam sesuatu perkataan. Sebutan vokal mengikut panjang atau pendek ini menjadi ciri pembeza makna perkataan. Keadaan ini menyebabkan penutur adakalanya tidak dapat menyebut vokal Arab dengan betul disebabkan padanan vokal berkenaan disebut secara pendek sahaja dalam bahasa Melayu. Kadangkala vokal pendek disebut panjang ataupun vokal panjang disebut pendek. Ini dapat diperhatikan dalam contoh-contoh berikut:

- يمارس (*mengamalkan*) disebut [yumaris] tanpa memanjangkan sebutan vokal atas selepas konsonan mim. Sebutan sebenar ialah [yumāris].
- مسرور (*gembira*) disebut [masrur] tanpa memanjangkan vokal depan selepas konsonan rā’. Sebutan sebenar ialah [masrūr].
- كريم (*mulia*) disebut [karim] tanpa memanjangkan vokal bawah selepas konsonan rā’. Sebutan sebenar ialah [karīm].

Tidak Membezakan Apa yang Ditulis dengan Apa yang Disebut

Dalam bahasa Melayu bunyi-bunyi disebut berdasarkan huruf yang ditulis dalam perkataan. Aspek ini berlainan dengan bahasa Arab yang mempunyai:

- i- bunyi yang disebut tetapi tidak ternyata dalam tulisan. Contohnya perkataan هذا (*ini*) yang disebut [hādḥā] iaitu dipanjangkan vokal atas selepas konsonan hā’ walaupun tidak zahir dalam tulisan.

- ii- bunyi yang zahir dalam tulisan tetapi tidak disebut. Contohnya ذهبوا (*mereka telah pergi*) yang disebut [dhahabū] tanpa menyebut vokal atas yang terdapat di akhir perkataan.

Tidak Dapat Mengenal Pasti Sebutan Vokal yang Sebenar

Adalah sukar bagi penutur-penutur Melayu dalam bahasa Arab terutama di peringkat permulaan menyebut dengan tepat vokal-vokal yang terdapat dalam sesuatu perkataan Arab. Hal ini disebabkan kerana vokal-vokal Arab tidak ditulis dalam bentuk abjad, sebaliknya dilambangkan

dengan baris atau harakat seperti [ـَ] yang menunjukkan vokal depan, [ـِ] yang menunjukkan vokal atas dan [ـِ] yang menunjukkan vokal bawah. Ini ditambah dengan teks Arab yang kebanyakannya mengabaikan penandaan barisnya. Hal ini berbeza sekali dalam bahasa ibunda yang memberi lambang bagi setiap vokal seperti [a], [e], [i], [o] dan [u] dalam setiap penulisan teks. Keadaan ini sudah tentu memberikan gangguan sebutan kepada penutur terutama apabila berhadapan dengan perkataan Arab yang tidak diletak barisnya.

Umpamanya apabila penutur berhadapan dengan perkataan (كتب) ia akan menghadapi kesukaran dalam menentukan sebutannya sama

ada disebut كَتَبَ (*telah menulis*) atau كُتِبَ

(*telah ditulis*) ataupun كُتُبُ (*buku-buku*). Bagi

penutur yang sudah mahir mungkin tidak menghadapi kesukaran dalam menentukan cara sebutan kerana ia boleh ditentukan melalui kedudukan perkataan dalam ayat. Akan tetapi, bagi penutur yang baru, ini adalah sesuatu yang sukar kerana perkataan tersebut tidak menzahirkan vokal dalam bentuk baris apatah lagi menzahirkan vokal dalam bentuk abjad seperti dalam bahasa Melayu. Begitulah seterusnya pada perkataan-perkataan lain seperti

قَدَمَ sama ada disebut قَدِمَ (*lama*) atau قَدِمَ

(*pulang*) atau قَدِمَ (*kaki*) dan sebagainya.

Analisis Ringkas Gangguan Sebutan Arab di Kalangan Penutur Melayu

Dalam kajian yang dijalankan ke atas 60 responden penutur bahasa Arab di kalangan

pelajar Melayu, terdapat masalah sebutan bunyi Arab yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Tiga bunyi Arab yang mencatatkan penamaan dan peratusan gangguan tertinggi ialah (هـ) yang mendahului senarai bunyi yang paling sukar disebut dengan bilangan penamaan sebanyak 36 atau 60 % daripada jumlah responden. Ini diikuti oleh (ض) yang menerima 34 penamaan atau 56.7 % responden dan (ح) yang merekodkan 27 penamaan atau 45 % responden. Bunyi-bunyi (ح), (ج), (م), (ن), (ي) serta vokal atas, depan dan bawah tidak menerima sebarang penamaan dan boleh dianggap bebas daripada gangguan bahasa ibunda. Jadual 1 berikut merumuskan setiap bunyi Arab dan bilangan penamaan gangguan bunyi yang diterima:

JADUAL 1

Gangguan sebutan bunyi Arab oleh bunyi Melayu

Bunyi Arab	Bil. penamaan	Peratus kekerapan
Hamzat	3	5
Bā'	1	1.7
Tā'	12	20
Thā'	18	30
Jīm	0	0
Ḥā'	27	45
Khā'	20	33.4
Dāl	1	1.7
Dhāl	24	40
Rā'	11	18.3
Zay	8	13.3
Sīn	8	13.3
Syīn	3	5
Ṣād	20	33.4
Ḍād	34	56.7
Ṭā'	12	20
Zā'	19	31.7
'Ayn	22	36.7
Ghayn	14	23.4
Fā'	1	1.7
Qāf	16	26.7
Kāf	2	3.4
Lām	0	0
Mīm	0	0
Nūn	0	0
Hā'	36	60
Waw	1	1.7
Yā'	0	0
Vokal atas	0	0
Vokal depan	0	0
Vokal bawah	0	0

PENUTUP

Penguasaan yang benar-benar mapan terhadap sebutan bunyi-bunyi Arab adalah amat diperlukan. Ini adalah kerana, kesilapan menyebut sesuatu perkataan akan membawa kepada kesilapan penulisannya dan seterusnya akan berakhir dengan kesilapan memahami maksud atau mesej yang disampaikan. Ini menunjukkan bahawa sebutan mempunyai korelasi yang sangat rapat dengan penulisan dan pemahaman. Berdasarkan hasil kajian, dapat dirumuskan bahawa gangguan daripada bahasa ibunda adalah menjadi suatu lumrah tatkala mempelajari dan memperoleh bahasa kedua. Apa yang perlu dipastikan ialah supaya gangguan-gangguan itu tidak menjadi kekangan kepada pelajar-pelajar bahasa Arab untuk terus menguasai sistem bunyi Arab secara khususnya atau bahasa Arab secara umumnya.

RUJUKAN

- ABD. HAMID MAHMOOD. *Modul Pengajaran BBM 3202 Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- ABDULLAH HASSAN. 1981. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- ABDUL QADIR LEONG. 1993. *Tajwid Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- ARBAK OTHMAN. 1986. *Permulaan Ilmu Linguistik*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- DULAY, HEIDI, MARINA BURT dan STEPHEN KRASHEN. 1982. *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- ISHAK HJ. ABAS. 1989. *Memahami Tajwid dan Tartil Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Kota.
- MOHD AZIDAN ABDUL JABAR. 1993. *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyat li al-Dārisin al-Māliziyyin*. Tesis B.A. Universiti Hassan II, Morocco.
- NEMSER, WILLIAM. 1977. The predictability of interference phenomena in the English speech of native speakers of Hungarian. Dalam *Papers in Contrastive Linguistics*, disunting oleh Gerhard Nickel. London: Cambridge University Press.
- RAMINAH HJ. SABRAN dan RAHIM SYAM. 1985. *Kajian Bahasa*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- RUSYDIY AHMAD TA'ĪMAT. 1989. *Ta'lim al-'Arabiyyat li ghayr al-Nāṭiqīn bihā*. Rabat: ISESCO
- TAMĀM ḤASĀN 1986a. *Mānahij al-Baḥṭh fi al-Lughat*. Casablanca: Dār al-Thaqāfat li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- TAMĀM ḤASĀN 1986b. *al-Lughat al-'Arabiyyat Ma'nāhā wa Mabnāhā*. Casablanca: Dār al-Thaqāfat li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- TARIGAN, H.G. 1988. *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- WEINREICH, U. 1953. *Languages in Contact*. The Hague: Mouton.

(Diterima: 7 Februari 2004)

LAMPIRAN
Senarai Transliterasi*

(A) Konsonan

ا	_____	-	ط	_____	t
ب	_____	b	ظ	_____	z
ت	_____	t	ع	_____	'
ث	_____	th	غ	_____	gh
ج	_____	j	ف	_____	f
ح	_____	h	ق	_____	q
خ	_____	kh	ك	_____	k
د	_____	d	ل	_____	l
ذ	_____	dh	م	_____	m
ر	_____	r	ن	_____	n
ز	_____	z	و	_____	w
س	_____	s	ه	_____	h
ش	_____	sy	ء	_____	'
ص	_____	ṣ	ي	_____	y
ض	_____	ḍ	ة	_____	ṭ

(B) Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
ا _____ a	ا _____ ā	اي _____ ay
ي _____ i	ي _____ ī	او _____ aw
و _____ u	و _____ ū	

* berdasarkan *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (Cetakan Kedua, 1992).